

Analisis Perundangan terhadap Pelaksanaan Akad Hibah Amanah dalam Industri Kewangan Islam di Malaysia

Legal Analysis of The Implementation of Amanah Hibah Contracts in The Islamic Financial Industry in Malaysia

MOHD IZZAT AMSYAR MOHD ARIF*, FAEZY ADENAN & SHOFIYYAH MOIDIN

ABSTRACT

The concept of hibah instruments is one of Islamic philanthropy, which involves giving to someone without expecting anything in return. From this classical form of hibah, it has been innovated into a trust hibah product, which is an instrument for planning and managing assets in today's Islamic financial industry. The legislation on hibah in Malaysia has designated the jurisdiction of the Shariah court to hear any disputes related to hibah. Even though the hibah contract is combined with conditions of trust in the hibah declaration document, the hibah aspect will first be examined and confirmed by the Shariah court, similar to the classical hibah contract. Since the principle of judicial precedence does not apply in Shariah courts, it has led to a variety of different decisions, which are seen as potentially hindering the development of trust hibah implementation in this country. Therefore, the objective of this study is to elucidate the legal challenges in the implementation of trust hibah contracts in Malaysia. This legal study takes a qualitative approach using descriptive analysis involving data collection through various journals and supporting legal documents such as court cases, the Federal Constitution, parliamentary acts, state enactments, and Bank Negara Malaysia standards. The absence of written statutory hibah laws has sparked controversy and differing views among Shariah judges. Hence, this study has an impact on the sustainability of trust hibah product implementation within the Islamic community and the financial industry. The findings of this study suggest that specific, holistic, and comprehensive statutory hibah legislation should be formulated by each state, particularly for the implementation of trust hibah contracts.

Keywords: Trust Hibah; Sighah; Qabd; Legislation; Shariah Court

ABSTRAK

Instrumen hibah adalah satu konsep filantropi Islam yang merupakan pemberian kepada seseorang tanpa balasan. Daripada hibah berbentuk klasik ini, ianya telah diinovasikan menjadi produk hibah amanah; iaitu instrumen perancangan dan pengurusan harta di dalam industri kewangan Islam masa kini. Perundangan hibah di Malaysia telah menetapkan bidang kuasa bagi mahkamah Syariah mendengar sebarang pertikaian mengenai hibah. Walaupun akad hibah digandingkan bersama syarat secara amanah dalam dokumen deklarasi hibah, namun aspek hibah tersebut terlebih dahulu akan diteliti dan disahkan oleh mahkamah Syariah sebagaimana akad hibah klasik. Disebabkan prinsip duluan kehakiman tidak terpakai di mahkamah Syariah, ia mencetuskan kepelbagaian keputusan yang berbeza, yang dilihat boleh membantutkan perkembangan pelaksanaan hibah amanah di negara ini. Sehubungan dengan itu, objektif kajian ini adalah untuk menjelaskan cabaran perundangan dalam pelaksanaan akad hibah amanah di Malaysia. Kajian perundangan ini berbentuk kualitatif menggunakan analisis deskriptif yang melibatkan pengambilan data kajian menerusi pelbagai jurnal beserta sokongan dokumen perundangan seperti kes-kes yang diputuskan di mahkamah, Perlembagaan Persekutuan, akta Parlimen, enakmen negeri-negeri, dan piawaian Bank Negara Malaysia. Ketiadaan undang-undang hibah dalam bentuk statut bertulis mencetuskan polemik kepelbagaian pandangan dan keputusan dalam kalangan hakim Syarie. Justeru, kajian ini memberi impak kepada kelestarian pelaksanaan produk hibah amanah dalam komuniti dan industri kewangan Islam. Hasil kajian yang dijalankan, didapati bahawa suatu perundangan statut hibah yang spesifik, holistik dan komprehensif perlu digubal oleh setiap negeri sebagai satu piawaian perundangan khususnya bagi implimentasi akad hibah amanah.

Kata kunci: Hibah Amanah; Sighah; Qabd; Undang-Undang; Mahkamah Syariah


PENDAHULUAN

Akad hibah merupakan suatu instrumen perancangan harta di dalam Islam yang merujuk kepada suatu kontrak pemberian sesuatu tanpa tukaran balasan oleh seseorang semasa hayatnya kepada individu yang lain (Al-Zuhayli 1989; Amir Husin et al. 2018). Kamus Dewan Edisi Keempat (2005) mentafsirkan perkataan ‘hibah’ sebagai ‘pemberian hak (harta) secara rela hati kepada orang lain dengan niat baik’. Al-Dimyati (2002) mensyaratkan bahawa harta yang dihibahkan mestilah dalam hak pemilikan mutlak pemberi hibah. Oleh demikian, melalui akad hibah, berlakunya pemindahan hak milik daripada seseorang kepada yang lain (Syed Sabiq 1992). Hibah dalam bentuk asalnya dianggap sebagai kontrak *tabarru’*. Dalam filantropi Islam, amalan hibah sangat digalakkan kerana ia menggalakkan konsep *Maqasid Syariah* dalam menjaga kekayaan serta mengharmonikan hubungan sesama insan. Di Malaysia, instrumen hibah biasanya digunakan oleh orang Islam dalam merancang pembahagian harta kepada penerima yang dikehendaki berkenaan dengan harta-harta tertentu, di mana pemilikan harta tersebut dipindahkan kepada penerima

semasa hayat pemberi atau dalam keadaan tertentu, diberikan dengan syarat setelah kematian pemberi (Rusni Hassan et al. 2020).

Terdapat 5 terminologi yang digunapakai oleh statut di Malaysia yang membawa maksud yang sama; iaitu (1) hibah, (2) alang semasa hidup, (3) alang hayat, (4) pemberian semasa hidup dan (5) alang semasa hidup. Penghakiman kes *Alias Bin Ismail lwn Fatimah Binti Awang dan lain, JH (1410H) Jld 4*, menyimpulkan maksud dan pemakaian kelima-lima terminologi tersebut sinonim dengan makna ‘menyerahkan kepemilikan sesuatu aset kepada seseorang ahli *tabarru’* tanpa sebarang balasan sebagai pertukaran atas pemberian tersebut’ (Ruzian Markom & Mohd Izzat 2022).

Namun begitu, penelitian terhadap amalan di Malaysia, pelaksanaan akad hibah tidak terhad kepada kontrak secara klasik semata-mata. Merujuk kepada Rajah 1 di bawah, akad hibah telah diinovasikan menjadi instrumen pengurusan kewangan Islam yang dikomersialkan secara kontemporari dengan menggabungkannya dengan akad amanah ataupun akad takaful.



RAJAH 1. Kategori Akad Hibah

Sumber: Olahan daripada Ruzian Markom & Mohd Izzat (2022)

Oleh demikian, dengan melihat kepada amalan hibah komersial yang dilaksanakan oleh institusi-institusi kewangan Islam masa kini, kajian ini bertujuan untuk meneroka dan mengkaji secara perundangan bagi pelaksanaan hibah amanah di Malaysia.

KONSEP DAN AMALAN KONTRAK HIBAH AMANAH DI MALAYSIA

Selaras dengan kemajuan evolusi industri kewangan Islam di Malaysia, produk hibah amanah telah diinovasikan dan dikomersialkan oleh pihak

institusi kewangan Islam, syarikat amanah mahupun Majlis Agama Islam Negeri sebagai instrumen bagi melancarkan pengurusan harta orang Islam. Matlamat utama kepentingan perancangan harta di dalam Islam adalah bagi memastikan hak para waris yang akan ditinggalkan selepas kematian akan terus terbela dan terjaga. Selain itu, melalui instrumen hibah amanah juga, kes-kes harta pusaka yang tertunggak dapat diselesaikan dengan lebih mudah dan dalam masa yang lebih singkat (Basri Ibrahim 2022). Ini berikutan kurangnya birokrasi tadbir urus pembahagian aset melalui instrumen hibah berbanding penyelesaian harta pusaka.

Hibah amanah merujuk kepada kontrak hibah yang digandingkan bersama elemen pengamanahan. Setelah kontrak hibah disempurnakan, penerima hibah boleh melantik mana-mana pemegang amanah untuk menguruskan aset hibah sementara menunggu penyampaiannya (setelah berlakunya peristiwa pencetus). Penerima hibah tersebut disyaratkan untuk telah mencapai umur matang, kompeten dari segi undang-undang, serta berkeupayaan untuk menguruskan aset itu sendiri. Perbezaan utama antara hibah klasik dan hibah amanah, hibah klasik melibatkan pemindahan pemilikan harta hibah secara langsung iaitu daripada pemberi hibah kepada penerima hibah. Bagi kontrak hibah amanah pula adalah sebaliknya, meskipun aset itu telah dipindahkan kepada penerima hibah mahupun warisnya, pemberi hibah masih boleh menikmati faedah aset hibah tersebut, dengan syarat kebenaran bertulis telah diperoleh daripada waris melalui kontrak amanah. Kontrak hibah amanah disertai dengan peletakan syarat *tasarruf* harta hibah oleh penerima hibah yang membolehkan aset hibah kembali kepada pemberi hibah oleh penerima hibah, yang memberikan hak kepada pemberi hibah untuk terus menikmati manfaat harta yang telah dihibahkan selama hayatnya (Mohd Zamro et al. 2022).

Sehingga kini, terdapat beberapa institusi kewangan Islam yang menawarkan produk hibah amanah; iaitu Tabung Haji (TH), Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB), dan CIMB Trustee. Manakala syarikat amanah yang menawarkan produk hibah amanah iaitu Amanah Raya Berhad (ARB), Wasiyyah Shoppe Berhad, dan As-Salihin Trustee Berhad. Majlis Agama Islam Negeri pula terdiri daripada Majlis Agama Islam Pulau Pinang (MAINPP), Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) dan Majlis Agama Islam Selangor (MAIS).

Suatu akad hibah dianggap sempurna dan efektif setelah pemeteraian akad hibah yang merangkumi semua rukun dan syaratnya. Walaupun begitu, terdapat keperluan-keperluan masa kini yang memerlukan penghibah meletakkan syarat-syarat tambahan seperti pemberi hibah masih boleh mengguna dan menikmati harta hibah tersebut sepanjang hayatnya. Ia berikutan *masalah-masalah* tertentu yang diambil kira sebelum harta tersebut boleh dipindah milik kepada penerima; iaitu termasuk menjaga kelangsungan harta hibah, tidak disalahgunakan, penerima hibah belum mencapai umur keahlian dewasa dan lain-lain (Mohd Zamro & Noor Lizza, 2015; Nurul Syahirah et al. 2017).

Produk hibah amanah memberi manfaat yang besar kepada umat Islam dengan meningkatkan pemilikan hartanah umat Islam yang lebih efektif dan cepat. Sebagai contohnya, pelaksanaan sistem pewarisan pusaka di mana semua waris akan dimasukkan sebagai pemilik dalam sebuah geran (Ahmad Hidayat 2009) dan pertukaran nama waris yang sebenar dalam geran tersebut melibatkan proses dan prosedur yang lama. Pelaksanaan hibah amanah memudahkan urusan tersebut khususnya kepada hartanah yang melibatkan kematian generasi terdahulu yang menyukarkan proses penukaran nama dan dipecah milik (Mohd Zamro, Nurnazirah & Noor Lizza 2022).

Selain itu, dari sudut ekonomi, hibah amanah menjamin pegangan hartanah umat Islam dikekalkan. Secara tidak langsung ia mengurangkan masalah pelupusan harta waris di mana tanah dan rumah itu masih mempunyai penghuni ahli keluarga di bawah tanggungan (Nasrul Hisyam, Ahmad & Norazila 2017). Dalam kes faraid yang tidak mencapai kata sepakat antara waris, aset pusaka akan dijual dan kemudiannya hasil jualan tersebut akan dibahagikan kepada ahli waris mengikut pecahan yang ditetapkan oleh Syarak. Justeru, aktiviti penjualan aset hartanah ini boleh mengakibatkan peratus pegangan dan pemilikan aset orang Islam semakin berkurang. Melalui hibah amanah masalah ini dapat dikurangkan dan dapat menjamin kehendak pemilik aset yang bertujuan melindungi kebajikan ahli warisnya setelah kematian mereka (Mohd Zamro, Nurnazirah, Noor Lizza 2022).

Walaupun bagaimanapun, terdapat salah faham tentang hibah amanah menggantikan faraid yang telah jelas dinyatakan dalam al-Quran. Begitu juga, memandang hibah amanah merupakan produk yang dianggap baharu dalam kewangan Islam, oleh

itu, ianya tidak terlepas daripada beberapa isu dan polemik, seperti isu perundangan, isu Syariah dan isu persepsi masyarakat. Namun begitu, melihat kepada kelebihan dan kepentingannya hibah amanah merupakan suatu pilihan dan alternatif terbaik kepada umat Islam dalam usaha menguruskan harta dan pelengkap kepada produk pengurusan harta dan kewangan yang disediakan dalam Islam.

MODEL HIBAH AMANAH DI AMANAH SAHAM NASIONAL BERHAD (ASNB)


Terdapat beberapa model produk hibah amanah yang ditawarkan di dalam pasaran industri kewangan Islam di Malaysia. Setiap model adalah berbeza khususnya dari aspek pelaksanaan dan dokumentasi. Sehubungan dengan itu, kajian ini mengambil sampel model hibah amanah yang dilaksanakan di Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) memandangkan kes-kes yang dianalisis turut melibatkan kontrak hibah amanah ASNB.

Hibah Amanah ASNB ialah suatu konsep kombinasi antara konsep hibah dan juga amanah, di mana ianya melibatkan satu kontrak pemberian melalui Surat Ikatan Hibah oleh pemberi hibah (pemegang unit) dalam bentuk unit amanah ASNB kepada orang tersayang semasa sepanjang hayatnya

berdasarkan terma dan syarat tertentu. Unit amanah ASNB yang dihibahkan hanya akan dipindah milik kepada penerima hibah selepas kematian pemberi hibah. Rahim (2018) menyatakan bahawa unit amanah ASNB tidak menjadi harta pusaka apabila pemegang unit meninggal dunia, sekiranya sebelum kematiannya, dia telah memberikan kepada seseorang secara hibah amanah.

Produk hibah amanah bertujuan untuk membantu pengurusan dan pengagihan harta pelaburan pemegang unit tanpa perlu kepada proses pentadbiran dan pengagihan harta pusaka si mati iaitu pemberi hibah. Selain itu, menurut hukum Syarak, hibah amanah yang telah dibuat tidak boleh ditarik semula melainkan hibah yang dilakukan oleh *usul* kepada *furu'*; iaitu hibah yang dibuat oleh bapa atau datuk kepada anak atau cucu kandung sahaja. Akhirnya, tempoh penyerahan tuntutan daripada pihak ASNB sebagai pemegang amanah harta hanya mengambil masa dalam 21 hari selepas penyerahan tuntutan dibuat. Caj pentadbiran yang kompetitif iaitu dikenakan sebanyak 1.5% untuk RM25 ribu yang pertama, 1.0% untuk RM25 ribu berikutnya. Model amalan hibah amanah Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) boleh dilihat dalam Rajah 2 berikut:

Berdasarkan model hibah amanah ASNB



RAJAH 2. Model Amalan Hibah Amanah ASNB

Sumber: Hibah Amanah ASNB (2022)

melalui rajah di atas, proses pembentukan dan penyerahan hibah amanah mempunyai tiga langkah iaitu dua langkah dilaksanakan semasa hidup dan langkah terakhir dilaksanakan setelah berlakunya kematian oleh pemberi hibah.

BIDANG KUASA MAHKAMAH TERHADAP KES-KES HIBAH AMANAH DI MALAYSIA

Bagi semua kes yang melibatkan akad hibah klasik, setiap pertikaian yang berlaku akan dibicarakan di hadapan hakim Syarie di mahkamah Syariah. Ini

berdasarkan punca kuasa melalui Butiran 1 Senarai 2, Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan, yang menjelaskan bahawa perkara mengenai ‘pemberian’; iaitu hibah diletakkan di dalam bidang kuasa negeri-negeri. Peruntukan ini memberi implikasi bahawa segala urusan mengenai hibah adalah terletak di bawah pentadbiran agama Islam negeri-negeri yang tertakluk kepada bidang kuasa Mahkamah Syariah. Perkara 74(2) Perlembagaan Persekutuan juga memperuntukkan kuasa kepada Badan Perundangan Negeri untuk menggubal undang-undang yang berkaitan dengan perkara-perkara yang telah disenaraikan di dalam Jadual Kesembilan tersebut.

JADUAL 1. Peruntukan Kuasa Mahkamah Tinggi Syariah Negeri berkaitan Hibah

Negeri	Statut	Peruntukan
Kedah Darul Aman	Enakmen Mahkamah Syariah (Kedah Darul Aman) 2008	Seksyen 13(3)(b)(iv)
Wilayah Persekutuan	Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993	Seksyen 46(2)(b)(iv)
Johor Darul Takzim	Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor) 2003	Seksyen 61(3)(b)(iv)
Melaka	Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002	Seksyen 49(3)(b)(iv)
Pulau Pinang	Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004	Seksyen 61(3)(b)(iv)
Perak Darul Ridzuan	Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004	Seksyen 50(3)(b)(vi)
Selangor Darul Ehsan	Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003	Seksyen 61(3)(b)(iv)
Terengganu	Enakmen Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001	Seksyen 11(3)(b)(iv)
Negeri Sembilan Darul Khusus	Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003	Seksyen 61(3)(b)(iv)
Sabah	Enakmen Mahkamah Syariah 2004	Seksyen 11(3)(b)(iv)
Sarawak	Ordinan Mahkamah Syariah, 2001	Seksyen 10(3)(b)(iv)
Pahang Darul Makmur	Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam 1991	Seksyen 47(2)(b)

Sumber: Pengkaji

Melalui Jadual 1 di atas, didapati bahawa Mahkamah Tinggi Syariah telah diperuntukkan kuasa oleh undang-undang negeri masing-masing dalam bidang kuasa malnya untuk membicarakan dan membuat keputusan bagi orang Islam yang berhubungan dengan pertikaian mengenai perkara hibah. Hal ini dapat dilihat melalui kes *Latifah Mat Zin lwn Rosmawati Sharibun & Anor* [2007] 5 CLJ 253. Di dalam kes ini, Mahkamah Persekutuan dimohon untuk memutuskan sama ada akaun bersama yang mempunyai pemberian *inter vivos* atau hibah menjadi sebahagian daripada pusaka si mati atau tidak. Hakim Abdul Hamid Mohamad

memutuskan bahawa isu sama ada aset (berbentuk wang) yang diberikan sebagai hibah oleh si mati kepada perayu, merupakan perkara di bawah bidang kuasa Mahkamah Syariah. Begitu juga dalam kes *Azrahi Hotels Sdn Bhd lwn Jamilah Sheikh Daud* [7 MLRH 667, 2008], Mahkamah Tinggi Malaya Seremban memutuskan:

“Isu bidang kuasa Mahkamah ini untuk membuat sesuatu keputusan dan perintah mengenai ‘Letter of Hibah’ adalah merupakan asas dan punca pertikaian ini. Saya amat prihatin dan menyedari sepenuhnya akan kewujudan sempadan dan batasan bidang kuasa di antara Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah seperti yang diwujudkan di bawah 121 1A Perlembagaan Persekutuan.

Di dalam kes semasa tidak harus ada perbezaan pendapat dari mana mana pihak bahawa perkara-perkara yang berkaitan dengan instrumen hibah tersebut adalah merupakan “sole domain” Mahkamah Syariah. Oleh hal yang demikian saya tidak berhasrat untuk membuat apa apa keputusan atau perintah mengenainya”.

Kedua-dua kes mahkamah ini jelas menunjukkan sebarang keputusan yang melibatkan kontrak hibah adalah berada di dalam lingkungan bidang kuasa Mahkamah Syariah.

Sungguhpun perkara hibah telah diujahkan berada di bawah bidang kuasa Mahkamah Syariah, namun, dengan perkembangan aplikasi konsep dan kontrak hibah, persoalan berhubung dengan bagaimana pula sekiranya kes-kes yang melibatkan kontrak hibah amanah? Sehingga kini, adalah penting untuk diperhatikan bahawa instrumen hibah amanah masih belum ditadbir oleh mana-mana peruntukan berkanun seperti hibah dalam takaful, yang dilindungi berdasarkan Seksyen 142, Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013. Ini kerana, kembali kepada kepada asas kontrak, kontrak hibah amanah merupakan dua set kontrak yang digandingkan secara bersama iaitu akad hibah dan akad amanah. Bagi akad amanah, pelaksanaannya adalah berasaskan kepada hukum Syarak. Manakala pelaksanaan akad amanah adalah berdasarkan perundangan sivil; iaitu Akta Kontrak 1950, Akta Pemegang Amanah 1949 dan Akta Syarikat Amanah 1949 (Rusni & Nor, 2020). Mahkamah di dalam kes *TM Feroze Khan & Ors v Meera Hussein TM Mohamed Mydin* [2006] 1 CLJ (SYA) 250, telah membuat ketetapan perundangan bahawa undang-undang yang terpakai bagi perkara berkaitan amanah di Malaysia adalah undang-undang sivil, termasuk bagi individu beragama Islam atau bukan. Lebih-lebih lagi, oleh kerana kontrak amanah secara relatifnya ditadbir oleh undang-undang sivil, undang-undang amanah di bawah undang-undang sivil akan diguna pakai ke atas undang-undang Syariah sekiranya timbul sebarang pertikaian dalam kes amanah hibah. Undang-undang amanah yang sedang digunakan di Malaysia dipanggil Akta Pemegang Amanah 1949. Ini turut dibuktikan melalui keputusan Mahkamah Persekutuan di dalam kes *Wan Naimah lwn Wan Mohamad Nawawi* [1974] 1 MLJ 41 yang mengaplikasikan undang-undang amanah, bukannya undang-undang Islam untuk menguatkuasakan pemberian itu melalui pengisytiharan amanah lisan, walaupun ia berkaitan dengan undang-undang keluarga Islam. Ini kerana, adalah dimaklumi,

sebarang instrumen yang dilaksanakan berdasarkan amanah akan tertakluk kepada Akta Pemegang Amanah 1949, sama ada pihak yang terlibat orang atau syarikat, serta orang Islam atau bukan Islam. Oleh demikian, instrumen amanah dilaksanakan berdasarkan tatacara sivil manakala perkara hibah pula diurus tadbir di bawah ketetapan Syarak (Akmal Hidayah & Tajul Aris 2017).

Elemen amanah yang terpaut pada kontrak hibah amanah adalah tertakluk kepada peruntukan undang-undang sivil. Akibatnya, undang-undang sivil mungkin perlu dirujuk untuk memahami konsep hibah amanah itu sendiri. Pada asasnya, kontrak amanah ditadbir di bawah peruntukan undang-undang sivil berdasarkan Perkara 4 (e) (i) Senarai I Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan (Senarai Persekutuan). Namun, harus diteliti juga bahawa, perkara amanah bukan bidang kuasa eksklusif mahkamah sivil sahaja, tetapi juga mahkamah Syariah kerana Perkara 1, Senarai II (Senarai Negeri) Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan juga memperuntukkan peruntukan mengenai amanah yang terpakai bagi mereka yang menganut agama Islam dan ia tertakluk kepada undang-undang Syariah.

UNDANG-UNDANG AMANAH

Menurut Buang (2006), konsep amanah ialah apabila seseorang yang dipertanggungjawabkan dengan sesuatu amanah untuk memegang sesuatu aset atau harta amanah bagi faedah seseorang tertentu. Daripada konsep ini dapat difahami bahawa amanah yang ditafsirkan bukan ditafsir sebagai suatu sifat peribadi tetapi, ianya wujud dalam bentuk kontrak yang mengikat kedua-dua pihak yang terlibat demi kepentingan pihak yang perlu dijaga berdasarkan apa-apa syarat yang telah dipersetujui bersama. Kontrak amanah dalam bentuk ini lebih bersifat untuk menolong kerana pada asalnya seseorang meminta seseorang yang lain untuk menguruskan dan mentadbir urusannya yang tertentu tanpa sebarang balasan (Lizza et al. 2019). Pegangan harta amanah boleh di buat dalam pelbagai bentuk sama ada harta alih, mahupun harta tak alih, dengan cara berupah mahupun secara percuma.

Definisi amanah tidak dinyatakan secara eksplisit dalam Akta Pemegang Amanah 1949 tetapi ianya boleh didapati daripada pentafsiran hakim di mahkamah. Merujuk kepada kes *Parmeshiri Devi & Anor lwn Pure Life Society* [1971] MLJ 42,

mahkamah menjelaskan takrifan bagi suatu kontrak amanah sebagai:

“Satu obligasi ekuiti yang mengikat seseorang yang dipanggil pemegang amanah untuk mengurus harta yang berada di bawah kawalannya yang disebut harta amanah, untuk kepentingan orang atau beberapa orang yang disebut benefisiari yang mana dia sendiri mungkin salah satu darinya dan mana-mana orang yang boleh menguatkuasakan obligasi tersebut”

Definisi amanah yang lebih tepat dalam konteks semasa di Malaysia boleh dirujuk di dalam kes *Re Scott* [1903] 1 Ch 1 iaitu:

“the word trust refer to the duty or aggregate of obligation that rest upon a person described as trustee. The responsibilities are in relation to the property held by him or under his control. That property he will be compelled by a court in its equitable jurisdiction to administer in the manner lawfully prescribed by the trust instrument or in the absence of such instrument in accordance with equitable principles. The administration will be in such a manner that all benefits accrue to the beneficiary and not the trustee. If there are no beneficiaries then for a purpose that the law will recognize and enforce. Sometimes a trustee may be a beneficiary in which case the benefits will accrue to him to the extent of his beneficial interest.”

Daripada pernyataan di atas dapat disimpulkan bahawa amanah berlaku apabila seseorang (disebut sebagai pemegang amanah) dipertanggungjawabkan secara ekuiti untuk mengurus tadbir sesuatu harta bagi pihak seseorang yang lainnya (pembuat amanah) (Muhammad et al. 2023). Istilah tanggungjawab di sini membawa pengertian bahawa pegangan seorang pemegang amanah terhadap sesuatu harta tidak menyebabkan harta berpindah milik kepadanya, tetapi harta tersebut adalah milik penuh penerima manfaat atau dikenali sebagai benefisiari (Lizza et al. 2019). Dalam takrifan yang diberikan juga, dibenarkan kepada pemegang amanah tersebut untuk turut menikmati manfaat harta amanah sebagai benefisiari sekiranya dibenarkan dan dipersetujui oleh pembuat amanah sebagaimana diputuskan melalui kes *Re Golay's Will Trusts* [1965] 1 WLR 969. Oleh demikian, konsep amanah merupakan salah satu instrumen yang boleh digunakan dalam pengurusan harta yang diiktiraf di sisi perundangan negara.

Pembentukan akad amanah sebegini lahir daripada adaptasi perundangan sivil melalui penghakiman dalam kes *Yong Nyee Fan & Sons Sdn. Bhd lwn. Kim Guan & Co Sdn Bhd.* [1979] 1 MLJ 182 oleh hakim Hashim Yeop Sani J. Berdasarkan kes ini, pengesahan sesuatu kontrak amanah yang di bentuk mesti merangkumi beberapa elemen iaitu; (1) pembuat amanah, (2) penerima (pemegang)

amanah, (3) penerima manfaat (benefisiari) harta amanah, (4) harta amanah dan (5) arahan yang dinyatakan dalam kontrak amanah (Buang, 2006). Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa amanah merupakan salah satu kontrak sivil yang boleh diamalkan dan mempunyai kekuatan dari segi perundangan sekiranya dibuat bertepatan dengan peruntukan yang telah ditetapkan. Secara asas punca kuasa perundangan, Perlembagaan Persekutuan menyebutkan bahawa perkara terkait dengan ekuiti dan amanah berada di bawah Senarai Persekutuan, Butiran 4(e)(i) yang memberi impak, mahkamah sivil mempunyai bidang kuasa untuk mengendalikan kes yang berkaitan dengan amanah. Namun, dalam masa yang sama, perkara berkenaan dengan amanah juga disebut dalam Senarai Negeri yang berkaitan dengan mahkamah Syariah. Keadaan ini menimbulkan persoalan mahkamah manakah yang kompeten untuk mengendalikan kes amanah orang Islam. Dalam konteks ini, mahkamah rayuan dalam kes *TM Feroze Khan & Ors lwn Meera Hussain TM Mohamed Mydin* [2006] 3 CLJ 616 telah memutuskan bahawa undang-undang yang terpakai berhubung dengan amanah di Malaysia ialah undang-undang sivil tidak kira sama ada pihak itu ialah orang Islam atau bukan Islam. Keputusan yang sama juga telah dibuat di dalam kes *Dato' Kadar Shah Tun Sulaiman lwn Datin Fauziah Haron* [2008] 7 MLJ 779 dan kes *Wan Naimah lwn Wan Mohamad Nawawi* [1974] 1 MLJ 41 di mana mahkamah menggunakan undang-undang amanah sivil dan bukan undang-undang amanah Islam untuk menguatkuasakan hadiah yang dibuat melalui perisytiharan lisan yang melibatkan keluarga Muslim.

ISU-ISU PERUNDANGAN DALAM AMALAN HIBAH AMANAH DI MALAYSIA

Di Malaysia, amalan hibah dilaksanakan dalam dua cara; (1) sebagai instrumen pengurusan kekayaan harta dan, (2) sebagai instrumen kewangan penyokong bagi produk dan perkhidmatan kewangan Islam. Berkaitan dengan aplikasi pertama, juga disebut sebagai hibah klasik, telah lama digunakan dan diiktiraf sebagai cara untuk mengagihkan harta seorang Muslim selepas kematiannya (Rusni Hassan, et. al, 2020). Seawal tahun 1950-an, telah dicatatkan pertikaian mengenai hibah melalui kes *Kiah lwn Som* [1953] 19 MLJ 82. Dalam kes ini, isu hibah dibangkitkan oleh pihak yang berkonflik berkenaan dengan pembahagian harta benda orang Melayu Muslim di antara hubungan darah seperti

antara bapa dan anak, suami dan isteri, datuk dan cucu, dan sebagainya.

Konflik pertikaian kebiasaannya akan terjadi dalam kontrak hibah amanah setelah berlakunya peristiwa pencetus; iaitu kematian pemberi hibah. Apabila dibawa ke mahkamah yang berbidang kuasa; iaitu mahkamah Syariah, mahkamah akan meneliti dan memutuskan dua isu utama iaitu, (1) sama ada akad hibah yang telah terlaksana, memenuhi rukun-rukun dan syarat-syarat hibah dan (2) sama ada pembahagian harta yang telah diterima oleh pihak-pihak yang terlibat sah menurut undang-undang atau tidak. Dengan kata yang lain, meskipun akad hibah digandingkan dengan akad amanah sebagai satu produk kewangan Islam, aspek hibah tersebut akan terlebih dahulu dilihat dan disahkan oleh mahkamah sebagaimana akad hibah klasik.

Merujuk kepada Al-Syarbini (1997), bagi menjadikan sesuatu akad hibah itu sempurna dan boleh dikuatkuasakan di sisi undang-undang, ianya perlu memenuhi tiga rukun atau elemen berikut iaitu; (1) pemberi hibah (*waahib*) dan penerima hibah (*mauhub lahu*), (2) Lafaz *ijab* dan *qabul* (*sighah*), dan (3) barang yang dihibahkan (*mauhub*). Pemberi hibah (*waahib*) ialah orang yang memiliki harta yang dihibahkan. Di sini, perlu dibuktikan bahawa penghibah merupakan pemilik harta yang mutlak dan sah, sebelum dia berhak menghibahkan harta tersebut. Manakala penerima hibah (*mawhub lahu*) adalah individu yang berkeahlian untuk menerima dan menguruskan harta yang dihibahkan melalui persetujuan dan keredaan penghibah (Al-Syarbini 1997).

SIGHAH DALAM AKAD HIBAH AMANAH

Bagi rukun yang seterusnya, para sarjana Islam klasik telah mensyaratkan pelaksanaan *ijab* dan *qabul* secara lafaz *soreh* (jelas) yang bersambung sebagaimana dalam urusan jual beli. Sebagai contoh lafaz *ijab* adalah, 'saya berikan kepada awak' dan lafaz *qabul* adalah 'saya redha'. Yang membezakan akad hibah dengan akad jual beli adalah pada aspek balasan. Tiada balasan yang diterima setelah akad dibuat bagi maksud hibah dan sebaliknya berlaku untuk urusan jual beli (Al-Dimyati, 2002). Dalam kes *Ibrahim Yusoff lwn Eshah Hj Ishak dan 4 Yang Lain* (No Saman: 03000-044- 0008/2004), Mahkamah Rayuan Syariah Kelantan telah menggariskan 13 syarat lafaz hibah bagi penentuan keabsahannya berdasarkan kepada kitab *al-Yakut al-Nafis Fi Mazhab Ibni Idris* karangan al-Sayed Ahmad bin


Omar al-Syatiri al-Alawi alHusaini, antaranya:

7. Lafaz boleh didengar bagi mereka yang berhampiran dengannya
9. Ada pengucapan.
10. Pengucapan itu sempurna.
11. Menyebut apa yang diberi.
12. Berlaku pemberian keseluruhannya.

Melihat kepada poin nombor 7, 9, 10 dan 11, didapati bahawa adalah menjadi syarat bagi seseorang pemberi dan penerima hibah untuk menyebut secara verbal atau berlafaz bagi melaksanakan syarat pembentukan *sighah* dalam akad hibah. Lafaz tersebut perlu diucapkan dan didengari oleh pihak satu lagi beserta saksi. Namun, jika diamati dengan baik, sekiranya mahkamah menggunakan garis panduan ini sebagai parameter penentuan keabsahan lafaz *ijab* dan *qabul* dalam akad hibah, maka pembuktian melalui dokumen kontrak hibah secara bertulis sahaja adalah tidak memadai untuk diterima oleh mahkamah sebagai terjemahan kepada wujudnya lafaz secara bertulis. Sedangkan kontrak hibah amanah komersial telah menjadikan dokumen kontrak hibah sebagai satu dokumen perjanjian rasmi yang mencerminkan niat atau menunjukkan hasrat kedua-dua pihak, dan dipegang bagi mengelakkan konflik pertikaian masa hadapan. Dalam kes *Noor Zaleha Binti Mohd Noor Lwn Fatimah Binti Ibrahim dan lain-lain* (Saman No: 11100-044-0001-2019), Mahkamah Tinggi Syariah Terengganu memutuskan bahawa walaupun pada halaman 20, Ikatan Dokumen Plaintiff wujudnya cap jari Si Mati (pemberi hibah) dan tandatangan Plaintiff (penerima hibah) dalam dokumen lafaz pemberian dan penerimaan hibah tersebut, namun ianya masih belum membuktikan bahawa lafaz *ijab* dan *qabul* adalah betul-betul wujud. Dalam pertikaian ini, mahkamah melihat bahawa adalah selaku penerima hibah, plaintiff dibebani dengan liabiliti untuk membuktikan kewujudan *sighah* secara lafaz verbal. Dalam hal ini, Mahkamah Rayuan Syariah Terengganu dalam kes *Noor Zaleha* telah mendapati bahawa hakim di dalam perbicaraan kes ini di peringkat Mahkamah Tinggi Syariah telah terkhilaf. Ini berikutan kewujudan *qarinah* di mana pemberi telah melafazkan *ijab* dan seterusnya menurunkan cap jarinya. Sebagaimana juga penerima telah melafazkan *qabul* ialah setelah itu dia menurunkan tandatangannya. Melalui cap jari dan tandatangan ini, memberikan indikasi yang pemberi dan penerima hibah faham bahawa hibah telah dilakukan dengan *ijab* dan *qabul* yang

sempurna. Mahkamah juga berpandangan bahawa segala proses telah dijalankan secara profesional dan mengikut Prosedur Operasi Standard (SOP) yang

telah ditetapkan oleh ASNB sebagaimana dijelaskan melalui Rajah 3 di bawah:



RAJAH 3. Prosedur Operasi Standard (SOP) ASNB bagi Dokumentasi Hibah Amanah

Sumber: Olahan daripada penghakiman kes *Noor Zaleha Binti Mohd Noor lwn Fatimah Binti Ibrahim & 14 Yang Lain* (Rayuan No: 11000-044-0004 Tahun 2021)

PELAKSANAAN *QABD* DALAM AKAD HIBAH AMANAH

Dalam syarat hibah yang kedua iaitu *sighah*, perlu dipastikan berlakunya serahan harta daripada pemberi hibah kepada penerima hibah (Majallah al-Ahkam al-Adliyah: 837). Serahan ini dinamakan *qabd*. Tanpa wujudnya *qabd*, hibah menjadi tidak lazim atau tidak mempunyai kesan mengikat di sisi perundangan (Al-Hishni 2001). Pandangan ini disokong oleh Al-Dimyati (2002) yang meletakkan *qabd* sebagai syarat sempurnanya hibah. Oleh yang demikian, mahkamah dalam kes *Kamsiah*

Binti Yusof lwn Latifah Binti Yusof dan tiga yang lain, JH 27, Bahagian 2, 1430H, 2009 menyatakan bahawa akad hibah tidak sempurna dan tidak akan berkuatkuasa dengan *ijab* dan *qabul*, kecuali selepas *qabd*. Bahkan, sekiranya *qabd* tidak berlaku maka akad hibah tersebut adalah merupakan akad yang tidak mengikat di mana pemberi hibah boleh menarik balik hibah tersebut selama mana harta tersebut berada dalam pemilikannya. Namun begitu, timbul persoalan tentang bagaimana seharusnya *qabd* itu dilakukan?

Hakim di dalam kes *Kamsiah Bte Yusof* tersebut menjelaskan bahawa kaedah dilakukan *qabd*

adalah berbeza-beza mengikut jenis harta. Bagi harta tak alih, *qabd* boleh dilakukan melalui pengosongan dan penyerahan penguasaan harta seperti serahan kunci dan sebagainya. Manakala bagi harta alih pula, *qabd* boleh berlaku dengan mengambil, memindah atau mengasingkan harta tersebut daripada harta-harta yang lain. Berbalik kepada kes *Noor Zaleha Binti Mohd Noor*, mahkamah berpandangan bahawa *qabd* hanya dianggap sebagai telah berlaku apabila penerima hibah boleh mendapat manfaat bagi harta yang dihibahkan tersebut untuk dirinya bermula setelah *sighah* dibuat iaitu dalam tempoh hayat pemberi hibah. Mahkamah juga mendapati bahawa berdasarkan kepada keterangan plaintif, tiada pengosongan atau tindakan melepaskan hak oleh pemberi hibah terhadap harta yang didakwa dihibahkan setelah *sighah* hibah dibuat kerana pemberi hibah masih menguasai wang ASB tersebut dengan membuat transaksi pengeluaran dan sebagainya.

Penghakiman ini dilihat menyangkal fungsi akad hibah amanah yang termeterai di antara pemberi dan penerima hibah. Ini kerana, perlu difahami sejelasnya bahawa, dalam akad hibah amanah, akad hibah terlebih dahulu diselesaikan di mana serahan (*qabd*) telah dilaksanakan. Setelah itu, penerima hibah kemudiannya mengamanahkan kembali harta hibah yang diterima olehnya kepada pemberi hibah sebagai pemegang amanah. Melalui akad amanah tersebut, penerima hibah yang asal, boleh bermuamalat dan *bertasarruf* dengan harta tersebut secara bebas, juga termasuk mengamanahkan kepada orang lain (termasuk pemberi hibah) dengan syarat-syarat yang tertentu. Dalam kes yang dinyatakan, Surat Ikatan Amanah Hibah menyatakan bahawa:

- 1.3 Bahawasanya penerimaan Harta-Harta Hibah telah pun disempurnakan oleh Pemberi Hibah dan Penerima Hibah telah bersetuju menerima Harta-Harta Hibah termasuk segala faedah yang terhasil daripada Harta-Harta Hibah (jika ada) bersekali dengan segala hak, syarat, kepentingan dan kecacatan (jika ada) di atas Harta-Harta Hibah tersebut. Penerimaan ini dipersetujui oleh Penerima Hibah dengan menurunkan tandatangan masing-masing pada dokumen-dokumen yang berkaitan
- 1.6 Penerima Hibah bersetuju dan membenarkan Pemberi Hibah menggunakan harta-harta hibah untuk faedah dirinya, membuat semua

urusniaga dan mendapat semua manfaat yang berkaitan dengan Harta-harta Hibah selama mana pemberi hibah masih hidup, tertakluk kepada syarat dan peraturan urusniaga yang ditetapkan oleh ASNB dari semasa ke semasa.

Dalam hal ini, penghakiman Mahkamah Rayuan Syariah Terengganu dalam kes *Noor Zaleha Binti Mohd Noor lwn Fatimah Binti Ibrahim & 14* yang lain juga menyatakan bahawa, disebabkan *mawhub lahu* adalah dana berbentuk Amanah Saham Bumiputera yang diterjemah melalui nilai wang, maka sebenarnya *qabd* telah berlaku secara dokumentasi (*hukmi*). Ini kerana serahan harta, meskipun tidak dilakukan secara fizikal, tetapi telah dilakukan secara digital. Penguasaan (*qabd*) harta hibah amanah kepada penerima setelah ia menerima harta hibah tersebut, penerima telah dengan sukarela membuat syarat untuk membenarkan dan bersetuju pemberi hibah untuk menggunakan harta hibah tersebut untuk faedah diri pemberi. Merujuk kepada Piawaian Murabahah 23.17 (Bank Negara Malaysia, 2013), didapati bahawa meskipun hukum Syarak tidak menetapkan kewajipan untuk pendaftaran dilakukan sebagai syarat *qabd*, namun pendaftaran pemilikan merupakan perbuatan yang dianjurkan bagi menjamin keselamatan dan kepentingan pemilik aset. Oleh demikian, bagi mengelak konflik masa hadapan, dicadangkan untuk menjelaskan berlakunya *qabd* bagi harta hibah berbentuk Amanah Saham, maka pihak yang terlibat boleh mengambil inisiatif dengan membuat pemindahan dana Amanah Saham yang telah dihibahkan tersebut ke suatu akaun (dengan nombor) yang lain.

PELETAKAN SYARAT DALAM AKAD HIBAH AMANAH ASNB

Hibah Amanah ASNB adalah berbentuk hibah bersyarat yang mengguna pakai syarat *ruqba*. Syarat *ruqba* merupakan syarat untuk pengembalian semula aset hibah kepada pemberi hibah selepas kematian penerima hibah (Deni Rusli & Zakaria Syafe'i, 2023). Aset hibah tidak akan menjadi harta pusaka penerima hibah justeru tidak akan dibahagikan mengikut undang-undang faraid. Walaupun tidak dinyatakan penggunaan hibah *ruqba*, namun realitinya dapat dilihat melalui struktur ayat pada terma dan syarat yang dipaparkan. Ini menjadikan pemilikan harta hibah amanah tersebut akan diserahkan kembali

kepada pemberi hibah sekiranya penerima hibah meninggal dunia terlebih dahulu. Dalam Surat Ikatan Amanah Hibah, dinyatakan bahawa:

- 1.7 Kedua-dua pihak iaitu Pemberi Hibah dan Penerima Hibah bersetuju bahawa sekiranya Pemberi Hibah meninggal dunia terlebih dahulu daripada Penerima Hibah, maka Harta-harta Hibah adalah menjadi hak mutlak sepenuhnya kepada Penerima Hibah. Sebaliknya, sekiranya mana-mana Penerima Hibah meninggal dunia terlebih dahulu daripada Penerima Hibah, maka Harta-harta Hibah tersebut akan dikembalikan kepada Pemberi Hibah.

Hibah merupakan perkara yang bersifat *ijtihadi*, justeru ianya terdedah kepada kepelbagaian pandangan mengenai hukum dan amalan mazhab. Sebagai contoh, hibah bersyarat *ruqba* hanya dibenarkan dalam mazhab Maliki, manakala

mazhab Syafi'i dan Hanbali menyatakan bahawa, hibah *ruqba* tersebut adalah sah tetapi syaratnya terbatal. Asas yang dikenalpasti adalah kerana perbezaan pandangan mengenai kewujudan elemen *gharar* dalam kontrak hibah dengan syarat *ruqba* tersebut, antaranya ketidakpastian kepentingan pemberi hibah yang tidak boleh menarik kembali pemberiannya apabila berlaku sebarang peristiwa (Al-Suyuti, nd) dan kemaslahatan aset hibah (Al-Haytami, 2001). Manakala bagi pihak yang membenarkan hibah secara *ruqba* pula berpandangan bahawa kesan *gharar* bagi kontrak sukarela seperti hibah adalah berbeza dengan kesan *gharar* bagi kontrak *mu'awadah* (pertukaran), dan hukum asal meletakkan sebarang syarat bagi setiap kontrak adalah harus dan kontrak tersebut dianggap sah apabila syarat tersebut dipenuhi (Al-Buhuti, 1994). Oleh demikian, hal ini telah mencetuskan tiga amalan yang berbeza di Malaysia sebagaimana yang dijelaskan dalam Jadual 2 di bawah:

JADUAL 2. Analisis Pandangan Hukum mengenai Amalan Hibah *Ruqba*

Autoriti	Keputusan	Analisis
Perlis, Pulau Pinang & Selangor	<i>"...conditional hibah which refers to ruqba and 'umra. In the fatwa, it is said that the conditional hibah is not valid from the point of gift and condition because hibah is one of the voluntary agreements without including the element of return or certain conditions. If a conditional element is included, it can damage the contract of the gift..."</i>	Hibah Bersyarat adalah tidak sah, dan syaratnya terbatal.
Kelantan, Perak, Wilayah Persekutuan & Muzakarah Fatwa Kebangsaan	<i>"Giving in the form of hibah is valid between the giver and receiver after the completion of ijab and qabul agreement even when a condition had entered the gift transaction, but the condition is not in force. This fatwa is in line with the qawlmuktamad in the Shafi'i school of law, which is the main reference in the state Fatwa administration enactment".</i> <i>"Hibah is one of the voluntary contracts without any specific return element or condition. However, if it is included in the conditions of the gift contract, the gift is valid, but the conditions are not in force. It is a rajih view that is in line with the view of most of the Islamic scholars"</i>	Hibah Bersyarat adalah sah, tetapi syaratnya terbatal.
Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia	<i>"The SAC allowed a conditional hibah, i.e., a ruqba hibah in its resolution of which the gift is valid, and the condition entered in the contract is in force. This resolution is based on the views of Hanbali, Maliki, al-Zuhri, Abu Thur and old opinion (qawliqadim) of the Shafi'i school of law".</i>	Hibah bersyarat adalah sah dan syaratnya boleh dikuatkuasa.

Sumber: Fathullah Asni & Jasni Sulong (2021) & Ro'fah et al. (2023)

Adalah penting untuk diperingatkan di sini, pandangan yang mengikat di sisi undang-undang hanyalah fatwa yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri. Bahkan, ianya hanya mengikat mahkamah di negeri di mana fatwa tersebut diwartakan sahaja. Manakala bagi satu sudut yang lain, resolusi Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia pula hanya mengikat mahkamah sivil

dan penimbangtara dalam kes-kes kewangan Islam (Seksyen 56 Akta Bank Negara Malaysia 2009).

Dalam kes *Rafizah Binti Ab Karim lwn Kamar Bin Ab Karim dan Empat Defendan Yang Lain* (No Saman: 10100-044-0478-2011), pemberi hibah, iaitu Limah binti Saat, telah memberikan hibah hartanya kepada penerima, iaitu Rafizah binti Ab. Karim dengan syarat *ruqba*. Mahkamah telah memutuskan

bahawa kedua-dua pihak terikat dengan syarat *ruqba* apabila salah satu daripada pemberi atau penerima meninggal dunia. Hakim Syarie dalam kes ini merujuk kepada Keputusan Majlis Penasihat Suruhanjaya Syariah Sekuriti yang mengharuskan hibah *ruqba* dilakukan dalam pelaksanaan borang akaun hibah untuk transaksi yang melibatkan akaun bersama tabung unit amanah bagi akaun yang dipegang oleh orang Islam. Sehubungan dengan itu, diputuskan bahawa hibah yang berkonsepkan *ruqba* yang berlaku melalui dokumen pengisytiharan hibah adalah sah. Melalui dokumentasi hibah bertulis, menjadikan kontrak hibah yang dijalankan adalah lebih selamat dalam memastikan tercapainya hasrat pembuat hibah kepada benefisiari terutamanya jika berlaku konflik pada masa hadapan (Mohd Zamro, et. al, 2023). Keputusan kes ini yang menerima amalan hibah secara *ruqba* turut diterima dan digunakan oleh mahkamah dalam kes *Noor Zaleha Binti Mohd Noor lwn Fatimah Binti Ibrahim & 14 Yang Lain* (Rayuan No: 11000-044-0004 Tahun 2021). Hakim menjelaskan bahawa prinsip umum yang memberi kesahihan bagi dua orang yang berkontrak adalah keredaan kedua-dua pihak terhadap terma dan syarat yang dipersetujui. Ianya adalah selaras dengan hadith Nabi:

“Orang-orang Muslim terikat dengan syarat-syarat (janji-janji) yang ditetapkan sesama mereka” (Sunan al-Tarmizi; Hadis no. 1352).

Justeru itu, selagi mana tidak bertentangan dengan *muqtada* akad, maka mengikut hukum Syarak apa-apa syarat yang dimasukkan di dalam mahupun di luar akad hibah adalah dibenarkan selagimana tidak bercanggah dengan mana-mana ketetapan Syarak (Al-Shaqi, 2002; Izz al-Din, 1993). Selain daripada itu, dalam kes *Daud bin Idris lwn Saiyah binti Said dan 8 yang lain* (No Saman: 05100-044-0178-2010), seorang ayah telah menghibahkan saham-sahamnya yang di dalam Koperasi Permodalan Felda Berhad (KPF) kepada 10 orang anak-anaknya. Dalam kontrak hibah tersebut, pemberi dan para penerima telah bersetuju dengan syarat-syarat berikut:

1. Pemberi hibah akan terus menikmati keuntungan daripada saham-saham tersebut selagi dia masih hidup.
2. Penerima-penerima hibah hendaklah menguruskan keuntungan saham tersebut mengikut prinsip-prinsip Islam.

3. Sekiranya salah seorang daripada penerima-penerima meninggal dunia terlebih dahulu daripada yang lain, saham-saham tersebut akan diberikan kepada penerima yang masih hidup secara sama rata.

Mahkamah Tinggi Syariah Seremban Negeri Sembilan telah mengesahkan bahawa hibah dengan syarat-syarat tersebut adalah sah dan boleh dilaksanakan.

KESIMPULAN DAN CADANGAN

Asas Syariah adalah berbentuk fleksibel khususnya yang melibatkan dimensi muamalat yang mengatur kehidupan manusia. Melaluinya, konsep hibah klasik telah diinovasikan dengan menggandingkannya dengan kontrak amanah bagi memperluaskan menjadi suatu instrumen pengurusan dan perancangan harta bagi umat Islam. Bagi semua pertikaian mengenai akad hibah amanah, pengesahan terhadap akad hibah tersebut akan dibuat terlebih dahulu oleh mahkamah Syariah dengan mengambil kira pelaksanaan semua rukun dan syarat yang diperlukan bagi menjadikannya sebuah hibah yang sempurna di sisi Syarak. Penghujahan pihak-pihak yang bertikai akan menggunakan sumber-sumber perundangan Islam termasuk pandangan daripada para sarjana Islam klasik dan kontemporari. Sungguhpun begitu, ianya tidak dapat dipisahkan daripada konsep amanah yang bertaut bersama dalam satu model hibah amanah. Kekhilafan untuk memahami konsep ini, akan berkemungkinan besar mengakibatkan akad hibah amanah tersebut diputuskan sebagai tidak sah.

Melalui perbincangan dan analisis, disimpulkan bahawa ketiadaan undang-undang hibah dalam bentuk statut bertulis, akan mencetuskan polemik kepelbagaian pandangan dan keputusan dalam kalangan hakim Syarie yang berbeza. Lebih-lebih lagi, konsep duluan kehakiman tidak terpakai di mahkamah Syariah. Justeru itu, secara langsung, ianya akan memberi impak yang jelas terhadap kelestarian produk-produk hibah amanah yang sedang dilaksanakan di dalam industri kewangan Islam di Malaysia. Tanpa piawaiian statut yang selaras, dikhuatiri akan mencetus isu perundangan kerana amalan di mahkamah Syariah adalah:

1. Membuat rujukan kepada fatwa negeri masing-masing sekiranya ada.

2. Penghujahan adalah mengutamakan pendapat muktamad mazhab Syafie terlebih dahulu dan kemudiannya barulah berdasarkan kepada landasan pendapat mazhab yang lain dan para sarjana Islam (kontemporari dan *turath*).
3. Hasil keputusan setiap kes berbeza mengikut ijihad dan pandangan hakim daripada mahkamah yang berbeza.
4. Mahkamah Syariah dilihat menggunakan pendekatan 'forensik' untuk membuat semakan dan penilaian terhadap perincian fakta kes bagi menyelaraskan kes semasa dengan rukun hibah.

Oleh demikian, setiap negeri di Malaysia memerlukan kepada enakmen hibah yang bersifat spesifik, holistik dan komprehensif sebagai satu piawaian terutamanya dalam melaksanakan hibah amanah. Melaluinya, pengurusan dan perancangan harta melalui instrumen hibah amanah dapat dilakukan dengan lebih teratur, sistematik di samping memperkasakan fungsi Mahkamah Syariah.

RUJUKAN

- Ahmad Basri Ibrahim. 2022. *Amalan Hibah Amanah ASNB dalam Muzakarah Hibah Amanah: Analisis Isu Syariah dan Undang-Undang*. Universiti Teknologi MARA.
- Ahmad Hidayat Buang. 2006. Pembentukan dan pentadbiran harta amanah menurut perspektif undang-undang Islam. Dlm. *Harta Amanah Orang Islam di Malaysia*, disunting oleh Siti Mashitoh Mahamood, 33-50. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Ahmad Hidayat Buang. 2009. Pengurusan harta keluarga mengikut Islam dan realiti semasa di Malaysia. *Jurnal Muamalat* (2): 1-15
- Ahmad Khilmy Abdul Rahim, Mohd Shahril Ahmad Razimi & Mohd Murshidi Mohd Nor. 2021. The innovations of hibah as an instrument of Islamic finance and Islamic estate management in Malaysia. *Webology* 18: 112-126. <https://doi.org/10.14704/WEB/V18SI03/WEB18023>.
- Ahmad Khilmy Abdul Rahim, Mohd Shahril Ahmad Razimi & Mohd Murshidi Mohd Nor. 2018. Inovasi instrumen hibah dalam produk-produk kewangan Islam di Malaysia. Muktamar Waqf Iqlimi IV, 1-15. https://www.researchgate.net/publication/322481973_Inovasi_Hibah_dalam_Produk-produk_Kewangan_Islam_di_Malaysia.
- Ahmad Termizi Abdullah. 2019. *Rancang Harta: Hibah, Wakaf dan Wasiat*. Kuala Lumpur: Pustaka Mizi.
- Akmal Hidayah Halim & Tajul Aris Ahmad Bustami. 2017. Pelaksanaan hibah amanah sebagai suatu instrumen pengurusan harta Islam di Malaysia. *Jurnal Kanun* 29(2): 90-115
- Al Dimiyati, Abu Bakar ibnu Muhammad Syatta. 2002. *l'annah al Talibin*. Beirut: Darul Fikr.
- Al Hishni, Abu Bakar bin Muhammad. 2001. *Kifayah Al-Akhyar Fi Halli Ghayah Al-Ikhtisar*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al Syarbini, Muhammad Al-Khatib. *Mughni Muhtaj*. Beirut: Dar Al Makrifah.
- Al Tirmizi, Abu 'Isa. 2008. *Sunan al-Tirmizi*. Beirut: Dar Al Kutub Al 'Ilmiah.
- Al Zuhayli, Wahbah. 1989. *Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*. Damsyik: Dar al Fikr.
- Al-Buhuti, Mansur ibn Yunus. 1974. *Kashshaf Al-Qina` Al-Matn Al-Iqna*. Mekah: Matba'at al-Hukumah.
- Al-Haytami, Ibn Hajar. 2001. *Tuhfat al-Muhtaj bi Sharh al-Minhaj*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Nasa'i, Ahmad Ibn Shu'ayb. *Sunan al-Nasa'i bi Sharh al-Hafiz Jalal al-Din al-Suyuti*. (t.t) Beirut: Dar al-Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- Amanah Saham Nasional Bumiputera. 2022. Hibah Amanah. <https://www.asnb.com.my/hibahamanah.php>
- Amir Husin Mohd Nor, Wan Abdul Fattah Wan Ismail, Lukman Abdul Mutalib, Ahmad Syukran Baharuddin & Hasnizam Hashim. 2018. Kaedah-kaedah pembuktian kes hibah di Mahkamah Syariah di Malaysia: Rujukan kes-kes dalam Jurnal Hukum. *Malaysian Journal of Shariah And Law* 8(2): 31-40.
- Deni Rusli & Zakaria Syafe'i. Pembatalan hibah dalam hukum Islam dan perdata Indonesia dalam teori perikatan. 2023. *Indonesian Journal of Humanities and Social Sciences* 4(2): 269-288.
- Fathullah Asni & Jasni Sulong. The mura'ah al-khilaf and ma'alat method in fatwa decisions: Its application for fatwa coordination related to conditional hibah in Malaysia. 2021. *International Journal of Islamic and Middle Eastern Finance and Management* 14(4): 641-654.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. 2005. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khujah, Izz al-Din. 1993. *Nazariyyat al Aqd fi al Fiqh al Islamiy*. Damsyik: Majmu'ah Dallah al-Barakah.
- Mohd Zamro Muda & Noor Lizza Mohamed Said. 2015. *Signifikan Hibah Sebagai Instrumen Perancangan Harta Orang Islam di Malaysia*. Bangi: Penerbit UKM.
- Mohd Zamro Muda, Nur Nazirah Rosdi, & Noor Lizza Mohamed Said. 2022. A literature review for the implementation of trust hibah for real property in Malaysia: Sorotan literatur pelaksanaan hibah amanah hartanah di Malaysia. *Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies* 27(1): 1-12.

- Mohd Zamro Muda, Nurnazirah Rosdi & Noor Lizza Mohamed Said. 2022. Hibah amanah hartanah dan kekangan perundangan dalam perancangan harta orang Islam di Malaysia. *UMRAN – International Journal of Islamic and Civilizational Studies* 9(3): 31-40.
- Mohd Zamro Muda, Nurnazirah Rosdi & Noor Lizza Mohamed Said. 2023. Analisis perundangan dan kes hibah di Malaysia. *International Journal of Islamic Thought* 23: 79-90.
- Mohd Zamro Muda. 2017. *Seminar Hibah Bersyarat dan Hibah Harta Bercagar, Anjuran Pusat Kajian Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.*
- Muhamad Mu'izz Abdullah, Abdul Bari Awang, Mohamad Sabri Zakaria & Nasrul Hisyam Nor Muhamad. 2023. Analisis kefahaman instrumen amanah (*trust*) dalam pentadbiran harta pusaka di Negeri Perlis. *Akademika* 93(1): 117-136.
- Nadir 'Abd al-'Aziz Shaqi. 2002. *'Aqd al Hibah fi al Qanun al Lubnani wa al Maqarin*. Tarabulus: Al Mu'assasah al Hadithah li al-Kitab.
- Nasrul Hisyam Nor Muhamad, Ahmad Che Yaacob & Norazila Mat Hussain. 2017. Konsep hibah bersyarat dan aplikasinya dalam perancangan harta. *Jurnal Umran* 3(1): 32-41.
- Ro'fah Setyowati, Mohammad Azam Hussain, Ruzian Markom, & Mohd Izzat Amsyar Mohd Arif. 2023. The role of shariah authority in enhancing the Islamic financial system in Malaysia and Indonesia. *Akademika* 93(1): 251-259.
- Rusni Hassan & Nor Azdilah Mohamad Zaizi. 2020. The concept and application of hibah as a financial instrument from the Malaysian legal perspective: An analysis. *IJUM Law Journal* 28(1): 227-252.
- Ruzian Markom & Mohd Izzat Amsyar Mohd Arif. 2022. The status quo of hibah in property dispute settlement in Malaysian Courts. *Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia* 34(2): 277-300.
- Sayyid Sabiq. 1997. *Fiqh al Sunnah*. Indianapolis: American Trust Publishers.
- Suhaimi Ab Rahman, Rasyikah Md Khalid, Adilah Abd Razak & Abu Bakar Jaafar. 2018. Pemerkasaan mahkamah syariah dalam pentadbiran harta pusaka masyarakat Islam menurut kerangka federalisme di Malaysia. *Akademika* 88(3): 113-125.
- KES-KES**
- Alias Bin Ismail lwn Fatimah Binti Awang dan lain*, JH (1410H) Jld VII Bhg. I
- Azrahi Hotels Sdn Bhd lwn Jamilah Sheikh Daud* [2008] MLRH 667
- Dato' Kadar Shah Tun Sulaiman lwn Datin Fauziah Haron* [2008] 7 MLJ 779
- Daud bin Idris lwn Saiyah binti Said dan 8 yang lain* (No Saman: 05100-044-0178-2010), seorang *Ibrahim Yusoff lwn Eshah Hj Ishak dan 4 Yang Lain* (No Saman: 03000-044- 0008/2004), *Kamsiah Binti Yusof lwn Latifah Binti Yusof dan tiga yang lain*, JH 27, Bhg. 2, 1430H, 2009
- Kiah lwn Som* [1953] 19 MLJ 82
- Latifah Mat Zin lwn Rosmawati Sharibun & Anor* [2007] 5 CLJ 253
- Noor Zaleha Binti Mohd Noor Lwn Fatimah Binti Ibrahim dan lain-lain* (Saman No: 11100-044-0001-2019
- Parmeshiri Devi & Anor lwn Pure Life Society* [1971] MLJ 42
- Rafizah Binti A b K arim l wn K amar Bin A b K arim dan Empat Defendan Yang Lain* (No Saman: 10100-044-0478-2011),
- Re Golay's Will Trusts* [1965] 1 WLR 969
- Re Scott* [1903] 1 Ch 1
- TM Feroze Khan & Ors v Meera Hussein TM Mohamed Mydin* [2006] 1 CLJ (SYA) 250
- Wan Naimah lwn Wan Mohamad Nawawi* [1974] 1 MLJ 41
- Yong Nyee Fan & Sons Sdn. Bhd lwn. Kim Guan & Co Sdn Bhd.* [1979] 1 MLJ 182
- STATUT**
- Perlembagaan Persekutuan
- Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993
- Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013
- Enakmen Mahkamah Syariah (Kedah Darul Aman) 2008
- Enakmen Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001
- Enakmen Mahkamah Syariah 2004
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor) 2003
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004
- Ordinan Mahkamah Syariah, 2001
- Piawaian Murabahah Bank Negara Malaysia 2013
- Mohd Izzat Amsyar Mohd Arif (Corresponding author)
Fakulti Undang-Undang
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 Bangi, Selangor, Malaysia
Emel: izzatamsyar@ukm.edu.my
- Faezy Adenan
Akademi Pengajian Islam Kontemporari Universiti Teknologi MARA
40450 Shah Alam, Selangor, Malaysia
faezyadenan@uitm.edu.my

Shofiyyah Moidin
Akademi Pengajian Islam Kontemporari
Universiti Teknologi MARA
40450 Shah Alam, Selangor, Malaysia
shofiyyah@uitm.edu.my